

Di Mana Allah? Satu Penjelasan

Mohd `Adlan Bin Mohd Shariffuddin*

B. Sc. (Kimia), Universiti Malaya (2005), Dip. Ed. (Pengajian Kimia), IP Sultan Mizan (2006)
20 Jun 2008

Orang-orang bukan Islam biasanya bertanya di mana Tuhan orang-orang Islam? Adakah soalan ini relevan untuk dijawab atau adakah ia perlu diabaikan kerana ia bukan urusan kita sebagai makhluk?

Sebenarnya, persoalan ini pernah ditanyakan sendiri oleh Rasulullah kepada seorang hamba wanita kepunyaan Mu`awiyah bin Al-Hakam As-Sulamiy.

فَقَالَ لَهَا: أَيْنَ اللَّهِ؟ قَالَتْ: فِي السَّمَاءِ، قَالَ: مَنْ أَنَا؟ قَالَتْ: أَنْتَ رَسُولُ اللَّهِ، قَالَ:
أَعْتَقَهَا، فَإِنَّهَا مُؤْمِنَةٌ.

Maka Nabi berkata kepadanya: «Di mana Allah?». Dia (wanita itu) berkata, “**Di langit**”. Dia (Nabi) berkata: «Siapa saya?». Dia (wanita itu) berkata, “Kamu ialah Rasulullah Llah”. Dia (Nabi) berkata: «Bebaskanlah dia, maka sesungguhnya dia adalah wanita yang beriman». [Muslim/ 537]

Dalam hadis ini, Nabi sendiri yang bertanya soalan “Di mana Allah?”, justeru adalah tidak wajar jika ada pihak yang menghalang soalan ini daripada ditanya. Berkenaan dengan jawapan kepada soalan tersebut, Nabi tidak menegur atau membantah jawapan hamba wanita itu, sekali gus memberikan pengakuan atau *iqrar* bahawa jawabannya adalah benar dan dia adalah seorang wanita yang beriman. Justeru, **Allah berada di langit!**

Dalam Al-Qur’an juga disebut:

﴿ءَأَمِنْتُمْ مَنِ فِي السَّمَاءِ أَنْ يَخْسِفَ بِكُمْ الْأَرْضَ فَإِذَا هِيَ تَمُورُ﴾

«Adakah kamu aman daripada Dia (Allah) yang di langit? Bahawa Dia akan membenamkan bumi bersama kamu, maka ketika itu ia bergerak?» [Al-Mulk: 16]

Justeru, ayat ini dengan jelas menunjukkan bahawa Allah berada di langit.

Hal ini turut disokong oleh kata-kata Nabi berikut:

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ، ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمَكُم مِّنْ فِي السَّمَاءِ

«Orang-orang yang penyayang, mereka disayangi oleh Ar-Rahman. Sayangilah yang di dunia, akan menyayangi kamu Dia yang di langit». [At-Tirmizi/ 1924, sahih]

Nabi juga pernah berkata:

* Guru Tasawwur Islam di SMK Desa Kencana, Felda Bandar Sahabat, Peti Surat 61546, 91123 Lahad Datu, Sabah, MALAYSIA. No. Telefon (P): 089-811149, No. Telefon (R): 6089-812624, No. Faks: 089-811839, No. Handset: 017-6192624, E-mel: Adou_Fr@yahoo.com, Website: www.ad-diyari.com

أَلَا تَأْمَنُونِي وَأَنَا أَمِينٌ مَنْ فِي السَّمَاءِ ، يَأْتِينِي خَبْرُ السَّمَاءِ صَبَاحًا وَمَسَاءً ؟

«Tidakkah kamu mempercayai saya? Sedangkan saya adalah Amin (yang dipercayai) oleh Dia yang di langit. Perkhabaran langit mendatangi saya ketika pagi dan ketika petang». [Al-Bukhariy/ 4351]

Dalam Al-Qur'an pula disebut:

﴿الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى﴾

«Ar-Rahman, di atas `Arasy Dia bersemayam» [Taha: 5]

Justeru, dalam ayat ini dijelaskan bahawa Allah yang bersifat Ar-Rahman bersemayam [duduk] di atas `Arasy. Jadi, **Allah berada di atas `Arasy** sedang bersemayam!

Dalam satu hadis sahih dijelaskan bahawa Nabi berkata:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ كِتَابًا قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَ الْخَلْقَ، إِنَّ رَحْمَتِي سَبَقَتْ غَضَبِي، فَهُوَ مَكْتُوبٌ عِنْدَهُ
فَوْقَ الْعَرْشِ.

«Sesungguhnya Allah telah menulis satu penulisan sebelum Dia menciptakan kejadian “Sesungguhnya rahmat Saya mendahului murka Saya”. Maka ia tertulis di sisi-Nya di atas `Arasy». [Al-Bukhariy/ 7554]

Dalam Sahih Muslim pula dijelaskan bahawa Bani Tamim mendatangi Nabi pada suatu hari dan mereka berkata:

قَالُوا: قَبِلْنَا جِئْنَاكَ لِنَتَفَقَّهَ فِي الدِّينِ وَلِنَسْأَلَكَ عَنْ أَوَّلِ هَذَا الْأَمْرِ مَا كَانَ؟، قَالَ كَانَ
اللَّهُ وَلَمْ يَكُنْ شَيْءٌ قَبْلَهُ، وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ، ثُمَّ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ، وَكَتَبَ
فِي الذِّكْرِ كُلِّ شَيْءٍ.

Mereka berkata, “Kami telah sampai, kami mendatangi kamu untuk kami memahami dalam hal agama, dan untuk kami bertanya kepada kamu tentang permulaan perkara ini, apakah ia?” Dia (Nabi) berkata: «Ia adalah Allah, dan tiada sesuatu pun sebelumnya. Dan `Arasy-Nya di atas air. Kemudian Dia telah mencipta angkasaraya dan bumi, dan Dia telah menulis dalam Az-Zikr tentang segala sesuatu». [Muslim/ 7418]

Hadis ini menerangkan bahawa `Arasy Allah berada di atas air. Justeru, **Allah berada di langit, sedang bersemayam di atas `Arasy yang berada di atas air.**

Juga hadis berikut:

يَنْزِلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا حِينَ يَبْقَى ثُلُثُ اللَّيْلِ الْآخِرِ،
يَقُولُ: مَنْ يَدْعُونِي فَأَسْتَجِيبَ لَهُ، مَنْ يَسْأَلُنِي فَأُعْطِيَهُ، مَنْ يَسْتَغْفِرُنِي فَأَغْفِرَ لَهُ.

«Tuhan kita – tabaraka wata`ala - turun setiap malam ke langit dunia ketika masih tinggal satu pertiga malam yang akhir, Dia berkata: «Sesiapa yang memanggil Saya, maka Saya akan menjawabnya, sesiapa yang meminta kepada Saya, maka Saya akan berikannya, sesiapa minta ampun kepada Saya, maka Saya akan mengampuninya»». [Al-Bukhariy/ 1145]

Hadis ini menjelaskan bahawa Allah turun ke langit dunia, dan Dia turun dari satu tempat yang sudah tentunya lebih tinggi! – iaitu `Arasy. Justeru, hadis ini menafikan bahawa kata-kata sesetengah orang bahawa ‘Allah berada di mana-mana’ kerana ia adalah fahaman Wahdatu l-Wujud yang sesat.

Rujukan:

<http://www.saaaid.net/bahoth/30.htm>

<http://www.binbaz.org.sa/mat/10296>

<http://www.saaaid.org/Doat/assuhaim/41.htm>

http://www.albetaqa.com/cards/details.php?image_id=3432

<http://www.islamweb.net/ver2/fatwa/ShowFatwa.php?lang=A&Id=1360&Option=FatwaId>